



جايته كماله وان اسلامه مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

“GAGASAN PENTADBIRAN ISLAM DI ERA MALAYSIA BAHARU”

YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)

SEMPENA PERHIMPUNAN AGENSI-AGENSI
DI BAWAH YB MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)

TARIKH : 7 JANUARI 2019 (ISNIN)
TEMPAT : AUDITORIUM,
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Pendahuluan

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita panjatkan rasa penuh kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmat, keizinan dan hidayahNya kita semua telah diberi peluang dan kelapangan masa untuk bersama-sama hadir ke Perhimpunan Agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
2. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tan Sri, Datuk Seri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang hadir pada hari ini bagi menerus, mendukung dan mempertingkatkan azam dan usaha kita untuk memikul amanah besar yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita. Tanpa kita sedari amanah besar ini menjadi semakin kompleks dan menuntut kesabaran, ketabahan dan kekuatan hati-hati kita untuk terus istiqamah dalam perjuangan.
3. ALLAH SWT berfirman dalam Surah Al Ahzab, ayat 72 :

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ
يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.

4. Allah SWT tidak memberikan amanah yang sungguh berat ini kepada makhlukNya yang lain, tetapi diberikan kepada manusia sebagai satu-satunya makhluk yang sangat istimewa berbanding makhlukNya yang lain. Sesungguhnya ketinggian dan keistimewaan makhluk bergelar manusia telah diikuti dengan satu amanah dan tanggungjawab yang sangat besar iaitu untuk mentadbir alam ini selari dengan ajaranNya. Saya percaya semua warga agensi agama pada hari ini sedar akan keistimewaan yang kita miliki. Kita semua telah terpilih sebagai tenaga penggerak dan peneraju institusi agama yang sangat dipandang tinggi oleh masyarakat Islam.

Tan Sri, Datuk Seri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Imbasan Sepintas Lalu Pencapaian 2018

5. Sepanjang menelusuri enam bulan terakhir tahun 2018, tiga teras utama falsafah pentadbiran Islam telah kita sama-sama perjuangkan demi memastikan syiar Islam tetap dalam landasannya. Menegakkan

Islam atas teras dan landasan *Rahmatan lil 'alamin*, dirangkum dalam kerangka Maqasid Syariah dan diterjemahkan melalui Model Malaysia perlu sama-sama kita hayati dalam mengurus hal ehwal Islam di negara yang berbilang kaum, bangsa dan agama ini. Islam itu adalah rahmat dari Allah SWT kepada seluruh alam, tanpa batasan kaum, bukan eksklusif kepada sesuatu bangsa dan tidak terhad kepada pengamal budaya tertentu.

6. Kepentingan dan kebajikan rakyat perlu dipelihara bagi memastikan kelangsungan hidup sentiasa berpijak atas landasan keharmonian, keamanan dan kemakmuran. Meskipun terdapat perbezaan dan kepelbagaian, perlu kita serasi dan jalinkan dalam manhaj kita yang tersendiri.
7. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan, tahniah dan syabas kepada semua agensi atas beberapa inisiatif, pencapaian dan sejarah yang telah dilakar dalam pemerintahan era baharu ini. Selepas 100 hari saya memikul amanah memimpin pengurusan hal ehwal Islam negara mulai 2 Julai 2018, banyak kejayaan dan pencapaian yang telah kita teroka dan rintis bersama. Pencapaian yang kita gapai ini bukan bermakna hasrat untuk kita memperkemaskan masalah ummah hanya cukup untuk kita

genggam. Apa yang lebih utama, pencapaian yang telah tersimpan dalam genggam ini perlu kita semai dan baja bersama sebagai satu pasukan yang mantap untuk menerus dan membuktikan kecemerlangan pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia.

8. Imbasan pencapaian dan usaha bersama ini termasuklah;
 - a) **Majlis Pertemuan Khas YAB Perdana Menteri Bersama Tokoh-tokoh Ulama dan Cendekiawan pada 31 Julai 2018**, antara lain adalah bagi mewujudkan hubungan baik antara ulama dan umara bagi mendukung usaha kerajaan ke arah memastikan pengurusan hal ehwal Islam dilaksanakan dengan pro aktif, efektif, cekap, dan berwibawa.
 - b) **Menpertemukan dua pihak iaitu Mufti Perlis Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin serta Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, Dr P Ramasamy pada 30 Julai 2018** berhubung isu-isu berkaitan dua tokoh itu terutamanya isu melibatkan pendakwah Dr Zakir Naik serta dakwaan menyokong kumpulan pengganas Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) .

- c) Pada 6 Ogos 2018, saya mengambil langkah membuat **pendedahan tentang penyelewangan wang yang berlaku terhadap IKSIM iaitu sebanyak RM7.4 juta**. Pendedahan ini bukan untuk menjatuhkan mana-mana pihak tetapi sebagai salah satu usaha untuk memastikan institusi agama terus ditadbir dengan telus dan berintegriti.
- d) Selari dengan penegasan serta sikap kerajaan bahawa LGBT tidak boleh dipromosi, pada **8 Ogos 2018**, saya telah **mengarahkan agar gambar Nisha Ayub serta Pang Khee Teik diturunkan** daripada pameran fotografi 'Stripes and Strokes' di George Town, Pulau Pinang. Bagi memperjelaskan tindakan ini, pada 10 Ogos 2018 satu pertemuan telah diatur bersama Nisha Ayub bagi memberi penjelasan bahawa kerajaan sama sekali tidak menyokong usaha mempromosi LGBT.
- e) Ekoran peristiwa yang amat memilukan ke atas 9 pelajar Pusat Tahfiz Darus Syabab, Kepong, Kuala Lumpur, saya telah turun padang membuat lawatan mengejut pada 25 September 2018. Saya telah bertemu sendiri dengan mangsa bersama pihak pengurusan tahfiz.

Rentetan kes yang menimpa sekolah-sekolah tahfiz, maka pada 24 September 2018, **Mesyuarat Sekretariat Dasar Perundangan Syariah JAKIM yang dipengerusikan oleh saya sendiri telah membuat keputusan agar peruntukan undang-undang semasa di bawah Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] berkaitan sekolah-sekolah agama Islam diteliti semula dan dipinda.** Hasratnya supaya Kuasa Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan perlu diperluaskan tidak hanya terhad kepada kuasa untuk mendaftar sahaja.

- f) Pada **30 September - 1 Oktober 2018** di Hotel Pantai Puteri, Melaka telah diadakan **Program Pemukiman Bersama Agensi-agensi Hal Ehwal Islam.** Penganjuran program ini adalah sangat penting untuk tujuan penyelarasan dan membina visi dan misi dalam bekerja. Di akhir program, semua agensi-agensi Agama menyatakan kesediaan untuk menerima dasar dan pendekatan baru pengurusan hal ehwal Islam untuk diadaptasi sebagai dasar pentadbiran.

Di bawah dasar dan pendekatan ini, **Unit Indeks Syariah JAKIM telah dinaik taraf kepada Bahagian Maqasid Syariah** yang telahpun diluluskan antara lain bagi memperkasa usaha ke arah merealisasikan tiga teras dan pendekatan utama pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia.

- g) Seterusnya pada **4 Oktober 2018**, buat julung kalinya, satu **program syarahan perdana Tokoh Maal Hijrah** telah dianjurkan. Program ini telah memberi ruang kepada Tokoh Maal Hijrah tahun 2018 memberikan syarahan khusus dan menyebarkan lagi budaya ilmu dan wacana.
- h) Bagi menambahbaik sistem kehakiman syariah, saya telah mencetuskan idea supaya meja bulat bagi membincangkan tentang jenayah syariah diadakan. Untuk itu **Persidangan Meja Bulat: “Falsafah dan Tatacara Hukuman Jenayah Syariah dalam Mencapai Matlamat Rahmatan Lil Alamin’ telah dijayakan**. Acara ini adalah sebagai satu perkongsian pandangan dan pendapat bersama Hakim Syarie, pakar undang-undang Syariah dan pengamal undang-undang syariah.

- i) Sesuai dengan penerusan kecemerlangan TV Hijrah yang telah dinobatkan sebagai penerima ***Anugerah Model Transformasi Ummah*** oleh Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) pada **1 September 2018**, TV Hijrah telah meminda ***tagline*** kepada '**Islam Rahmatan Lil Alamin**'. Anugerah ini bagi membuktikan kecemerlangan dan kebekesanan stesen ini sebagai agen perubahan masyarakat.

Ini diikuti dengan anugerah ***The Brand Laureatte World Halal Best Brands Award 2018*** bagi kategori ***World Halal Strategic Business Partner Awards*** pada 27 September 2018 sebagai membuktikan dedikasi dan komitmen stesen TV Hijrah sebagai media penyiar yang mendidik dan mentarbiyah ummah..

- j) Saya juga telah memberikan penerangan dan penjelasan kepada Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Negeri dalam program **Town Hall Maqasid pada 7 November 2018** yang bertujuan untuk memberi penjelasan dan berkongsi pandangan bersama semua *stakeholder* berkaitan tiga wawasan dan gagasan yang telah disusun sebagai agenda reform yang progresif : *Rahmatan lil 'alamin*, Maqasid Syariah

dan Model Malaysia. Bersempena dengan majlis ini juga, telah dilancarkan buku *Gagasan Rahmatan Lil 'alamin* yang mengandungi kompilasi ucapan dan wawancara yang merangkumi agenda dan pandangan saya dalam 100 hari pertama sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

- k) **Muzakarah Bersama Ulama dan Cendekiawan** yang berlangsung sekali dalam tempoh dua bulan telah diinisiatifkan bagi membincangkan isu utama yang sering dipolemikkan. Muzakarah adalah untuk mencari jalan penyelesaian yang paling berhemah. Antara isu yang telah dilerai adalah berkaitan isu *hifz ad-Din*, perkahwinan bawah umur, SOP Penguatkuasaan Agama serta isu berkaitan ICERD.

Para hadirin sekalian,

9. Diperingkat antarabangsa pula, beberapa pencapaian telah dilakar bagi membuktikan kesungguhan kita untuk terus memelihara risalah Islam sebagai *Rahmatan lil 'alamin*. Antara yang amat memberi kesan kepada saya adalah :

- (a) Pada **17 Ogos 2018**, saya telah melancarkan **Kempen Kebersihan Perdana** sewaktu menunaikan haji. Kempen ini bukan sahaja yang julung kali diadakan, malahan turut mendapat pujian daripada kerajaan Arab Saudi, yang turut mencadangkan program sama dilaksanakan kepada semua jemaah haji pada masa akan datang. Ekoran daripada ini, **Program Kebersihan Perdana Masya'ir**, telah dijalankan sepanjang Jemaah berada di Arafah, Mudzalifah dan Mina, di mana jemaah haji secara bergotong-royong telah membersihkan khemah mereka setiap hari. Program berimpak positif ini **menzahirkan jemaah ke arah kemabruran haji** serta mendapat pujian **Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi**.
- (b) Dari sudut peranan dalam industri halal, pada **26-29 September 2018** saya telah mewakili YAB Perdana Menteri untuk merasmikan **Festival Halal Sarajevo**. Dalam acara ini saya telah mendapat penghormatan untuk menyampaikan ucap tama disusuli dengan penganugerahan plak yang memberi pengiktirafan kepada saya menjadi salah seorang penduduk di Bandar Sarajevo. Selain itu, sekembalinya daripada Festival ini saya telah dilantik secara rasmi oleh Kabinet sebagai menteri

yang bertanggungjawab secara khusus dalam hal ehwal hubungan antara kerajaan Malaysia dan Bosnia Hergezovina.

- (c) Manakala pada **16-19 Oktober 2018**, saya telah terbang ke Mesir untuk menghadiri **Persidangan Fatwa Sedunia** di Darul Ifta' Mesir. Saya telah diberi penghormatan menjadi Pengerusi dalam salah satu panel persidangan tersebut.
- (d) Bagi meningkatkan hubungan kerjasama Islam di peringkat antarabangsa, saya telah mengadakan pertemuan dan pertukaran pandangan mengenai pengurusan hal ehwal Islam bersama rakan sejawat **Menteri Awqaf dan Hal Ehwal Islam Mesir, Mohamed Mokhtar Gomaa pada 17 Oktober 2018**. Diikuti pertemuan bersama Sheikh Al-Azhar, Dr. Ahmed El Tayeb bagi memberi penjelasan mengenai pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia juga telah diadakan. Hasil pertemuan ini antaranya telah membolehkan 10 orang pelajar lepasan darul Quran JAKIM yang sebelum ini terkandas atas masalah dalaman, dapat diterima masuk untuk belajar selepas saya mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Syeikhul Azhar.

(e) Selanjutnya pada **14-15 November 2018** saya terlibat dalam **Mesyuarat Pertemuan Tidak Rasmi Menteri-menteri Agama Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Singapura (MABIMS)** yang berlangsung di Brunei Darussalam.

10. Diperingkat agensi juga, sekali lagi syabas diucapkan atas penganjuran pelbagai program dan aktiviti untuk membantu dan menyantuni masyarakat.

(a) Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) telah mengadakan **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman dengan AmmetLife Takaful Berhad** pada 16 Ogos 2018. Menerusi kerjasama ini, sekiranya berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal ke atas Peserta, sebahagian dana yang diterima akan diwakafkan atas nama Peserta kepada YWM. Ini merupakan satu inisiatif kepada masyarakat dalam memperkenalkan medium perwakafan yang baru.

Dalam memberi kefahaman serta memupuk kesedaran amalan berwakaf kepada semua lapisan masyarakat, YWM dengan kerjasama Pertubuhan Kuantan Prihatin Negeri Pahang

(PKPNP) telah menganjurkan **Program Kayuhan Prihatin Wakaf dan Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin Peringkat Negeri Pahang**. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YB Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak 350 Ketua Isi Rumah yang melibatkan masyarakat luar bandar telah menerima manfaat Sumbangan Mesra Wakaf Prihatin.

- (b) Dalam menjalankan tadbir urus, pengurusan kewangan yang telus dan amanah sudah tentunya menjadi faktor penting yang akan meningkatkan kepercayaan dalam sesebuah organisasi. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) berjaya mengekalkan prestasi pengurusan kewangan yang profesional, cekap dan telus apabila sekali lagi berjaya menerima **Sijil Audit Bersih Tanpa Teguran Bagi Penyata Kewangan MAIWP Tahun 2017** daripada Jabatan Audit Negara.

Sebagai antara jalan ke hadapan, bersesuaian dengan dasar kerajaan baru yang menekankan aspek ketelusan dan integriti, saya telah mengambil jalan untuk tidak memegang sebarang jawatan dalam mana-mana agensi di bawah saya termasuk Pengerusi MAIWP yang selama ini secara tradisi dipegang oleh

Menteri Agama. Hasrat ini adalah bagi memastikan semua pengurusan dijalankan secara berwibawa dan professional. Setiap agensi boleh membuat pelantikan secara bebas tanpa ada sebarang campur tangan politik.

- (c) Selain itu, kita juga terlibat dalam hubungan kemanusiaan antarabangsa dengan mengusahakan penubuhan **Tabung Bencana pada 6 September 2018 sempena tragedi di Palu, Sulawesi**. Ziarah dan lawatan telah diadakan bagi memberi bantuan dan sumbangan kepada mangsa gempa bumi di Palu, Sulawesi Tengah. Bagi misi ini, JAKIM telah berjaya mengumpul kutipan sebanyak RM1.13 juta dan telah diagihkan dalam bentuk pembinaan 100 buah rumah, sebuah surau, dapur umum, taman permainan kanak-kanak serta barangan keperluan asas kepada mangsa bencana.
- (d) Sebagai usaha memperkasakan institusi pengajian tahfiz dalam melahirkan huffaz professional yang cemerlang, satu **Memorandum Persefahaman (MoU) Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM dan Cyberjaya University College of Medical Science (CUCMS) telah dimeterai pada 8 Oktober 2018**. Persefahaman ini antara lain adalah bagi melebarkan

program pensijilan Tahfiz Darul Quran JAKIM. Selain itu, dalam konteks mempertingkatkan pengurusan pensijilan tahfiz al-Quran JAKIM, satu bentuk hubungan kerjasama antara JAKIM dan Kementerian Pelajaran turut diadakan.

- (e) Sistem pendidikan KAFA sebagai program pengukuhan asas pendidikan Islam ke arah perkembangan fitrah insan turut diperkasakan. Justeru, satu **Task Force Pengurusan KAFA Peringkat Kebangsaan** telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh YB Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Satu usaha yang terancang akan dibuat khusus bagi memperkemaskan struktur perjawatan guru KAFA. Perbincangan bersama Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam juga telah dibuat bertujuan bagi menambah baik perjawatan Guru KAFA. Bagi memastikan hasrat ini diteruskan, **Bahagian Pendidikan Islam JAKIM telah ditubuhkan** khusus untuk memberi tumpuan ke arah usaha memperkasa pendidikan Islam termasuk KAFA.

Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah SWT,

11. Allah SWT berfirman,

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.

12. Gagasan *tajdid* (reform) yang dizahirkan melalui pendekatan *Rahmatan lil 'alamin* dalam menghiasi wajah baru pentadbiran hal ehwal Islam di dalam negara perlu disemarak dan disebarkan kepada khalayak masyarakat khususnya umat Islam. Justeru, pada Oktober yang lalu, saya telah terlibat dalam program anjuran Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (PMWP) dalam Wacana Isu Semasa (WISE) bersama-sama cendekiawan Islam bagi memperjelaskan lebih lanjut lagi tentang gagasan ini.

13. Sebagai usaha mempercepat dan mengurangkan kes tertunggak serta kelewatan penyelesaian kes sehingga bulan November tahun 2018 di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP), satu **Program Sifar Kes Tertunggak (SiKeT)** telah diperkenalkan. Hasilnya, MSWP telah berjaya menyelesaikan sebanyak 98% kes tertunggak. Cadangan mewujudkan Mahkamah Tinggi Syariah

Bahagian Hadhanah dan Nafkah serta Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Nafkah di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan juga telah saya zahirkan melalui jawapan lisan di Parlimen pada 29 Oktober 2018. Selain itu, MSWP juga telah melaksanakan Aktiviti Fokus Utama (KFA) MSWP Tahun 2018 iaitu **Meningkatkan Kecekapan Khidmat Pengurusan Pelanggan Di Kaunter Pendaftaran**. Pada 20 Disember 2018, MSWP Kuala Lumpur telah diperakukan persijilan EKSA DIY Kategori Cemerlang dan merupakan agensi pertama di JPM yang menerima persijilan tersebut.

14. Dalam mengurus pentadbiran hal ehwal Islam, penyelidikan merupakan salah satu bidang yang penting dalam menjana keilmuan dan mengangkat martabat ummah. Oleh itu, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) telah mengambil inisiatif menjalankan 15 penyelidikan yang merangkumi tajuk-tajuk hubungan antara penganut agama di Malaysia, sains dan Al-Quran, Islam dan alam sekitar, etika dan kepimpinan, kewangan dan wakaf korporat, pendidikan, wanita dan kekeluargaan serta Sustainable Development Goals (SDGs) dalam konteks Maqasid Syariah. Di samping itu, IKIM turut menyumbang idea dan pandangan menerusi

150 penulisan artikel di akhbar-akhbar tempatan dan menjalankan kerjasama strategik dengan beberapa universiti dan institusi antarabangsa. IKIM juga telah mendapat beberapa anugerah bagi sepanjang tahun 2018 iaitu:

- i. Anugerah Buku Negara bagi Kategori Buku Terjemahan Terbaik melalui Buku Kecelakaan Tipu Daya
- ii. Anugerah Kewartawanan Autisme Terbaik (Radio)
- iii. Anugerah Media Kempen Blue Ribbon Kategori Media Sosial
- iv. Anugerah Kewartawanan Autisme Terbaik (Radio)
- v. Anugerah penerbitan video pendek “Quran Hour 2017”

15. Pelbagai usaha telah dibuat bagi memastikan negeri-negeri yang menerima perkhidmatan gunasama Persekutuan khasnya dan negeri-negeri lain amnya menyambut baik cadangan untuk memperkukuhkan struktur mahkamah syariah. Dari segi pembangunan fizikal, pembinaan kompleks **Mahkamah Syariah Negeri Sabah yang terletak di Teluk Likas, Kota Kinabalu, Sabah** iaitu sebuah lokasi yang sangat mempesonakan kerana terletak berdekatan dengan Laut China Selatan dan sedang giat dilaksanakan. Saya berharap apabila kompleks mahkamah ini siap sepenuhnya pada pertengahan tahun 2020 kelak, warga kerja Mahkamah Syariah Negeri Sabah akan memiliki kualiti sistem

penyampaian perkhidmatan yang lebih baik, berkualiti dan berintegriti. Kerajaan juga amat komited untuk terus memastikan pembangunan dilaksanakan secara menyeluruh dan mencakupi hasrat rakyat.

16. Pernerksaan institusi masjid sebagai pusat kegemilangan ummah merupakan hasrat kerajaan dalam mengorak langkah menjadikan Malaysia sebagai model negara Islam dunia. Justeru, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah mengadakan satu forum **Persidangan Pengerusi-Pengerusi Masjid Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** yang dianjurkan pada 20 Oktober 2018 yang lepas.

Tan Sri, Datuk Seri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

17. Bagi menyantuni dan memberi tumpuan kepada ekonomi rakyat, kita telah memberi **manfaat kepada pinjaman mikro kepada masyarakat untuk tujuan perniagaan dan pendidikan** melalui YaPEIM. Dalam konteks menyantuni dan membantu masyarakat, YaPEIM telah **menyediakan platform pasaran atas talian untuk memasarkan produk-produk usahawan IKS.**

18. Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan (JAPENSWP) telah menganjurkan **Konvensyen Perundangan Jenayah Syariah Tahun 2018 pada 1 November 2018** di ILIM Bangi. Selain bertujuan memperkenalkan fungsi jabatan yang baharu ditubuhkan, ia juga bagi mendapatkan input keperluan dan permasalahan dalam melaksanakan perundangan jenayah syariah masa kini.
19. Kejayaan pengurusan **Operasi Haji Musim 1439H** adalah penggunaan stesen berlepas baharu iaitu **Kompleks Haji TH Sepang** dan **Program Perintis *Fast Track*** Jemaah Haji Malaysia. Kompleks baharu yang besar ini memberi lebih keselesaan kepada jemaah dan waris. Malaysia adalah negara pertama dipilih oleh Kerajaan Arab Saudi untuk melaksanakan **Program Pra-Pelepasan Imigresen Arab Saudi** yang menyaksikan urusan imigresen Arab Saudi diselesaikan di Malaysia, sebelum jemaah berlepas. Ianya berjaya mengurangkan masa menunggu setibanya jemaah haji di lapangan terbang Arab Saudi.

Selain itu, khemah jemaah haji Malaysia di Arafah telah menjadi khemah pertama di dunia yang dinaiki taraf dengan sistem penyaman udara sepenuhnya, manakala khemah di Mina diletakkan jubin sebagai lantai menggantikan pasir atau tanah sebelumnya oleh

Muassasah Asia Tenggara. Semua ini adalah hasil daripada kerjasama erat antara Kerajaan Malaysia, **TH** dan Kementerian Haji Arab Saudi.

20. Dalam meneruskan kesinambungan usaha dakwah, YADIM telah menganjurkan **Kem Daie Muda Matrikulasi 7.0 pada 30 November hingga 2 Disember 2018** di Kolej Matrikulasi Negeri Sembilan yang telah menghimpunkan seramai 550 pelajar matrikulasi dari seluruh negara. **Konvensyen Kebangsaan Sahabat YADIM telah berlangsung pada 17 November 2018** di Kolej Universiti Islam Melaka telah disertai seramai 600 Sahabat YADIM. YADIM juga telah dianugerahkan Pingat Perak oleh Jabatan Perdana Menteri dalam Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (AIJPM) 2018 selain menjadi Pembentang Terbaik Kategori Bukan ICT.

21. Dalam usaha memastikan penyampaian perkhidmatan awam senantiasa konsisten dengan hasrat dan dasar Kerajaan yang mengutamakan masalah rakyat, JAWHAR selaku penyelaras, penyelia dan pemantau operasi wakaf, mal, zakat, haji/umrah, dinamika penambahbaikan dilakukan secara berterusan, demi memenuhi ekpektasi rakyat.

Program dan aktiviti JAWHAR untuk sepanjang tahun 2018 telah menyantuni masyarakat dalam pelbagai dimensi menepati tiga teras utama pengurusan hal Ehwal Islam di Negara ini. **Konvensyen Baitulmal Kebangsaan 2018** telah diadakan pada 27 November 2018 bertempat di Dewan Mesmera Hotel Everly Putrajaya. **Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2018 (SBZK)** pula merupakan program kali ke-11 yang dilaksanakan oleh JAWHAR sejak tahun 2008 lagi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Isu-isu Semasa Agama

36. Umat Islam dan institusi agama sering diuji dengan pelbagai isu dan masalah. Kebelakangan ini sering timbul pelbagai isu yang mendorong rakyat mempersoalkan kecekapan kita mengurus soal agama. Apapun pandangan masyarakat, sebagai agensi yang mendukung kesucian Islam, kita perlu tegas dalam memastikan syariat Islam terus terpelihara. Banyak isu yang mendorong masyarakat menunding jari memerlukan tindakan kita. Apapun

antara isu yang telah berjaya kita wujudkan kaedah penyelesaian ialah:

a) Isu nafkah bekas isteri yang telah diceraikan.

Isu ini telah ditangani dengan mewujudkan satu mekanisme baharu bagi membela golongan wanita yang ditindas untuk menuntut nafkah selepas diceraikan. Antaranya ialah bagi membolehkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) menggunakan kaedah seperti menuntut caruman KWSP dan dari akaun bank bekas suami untuk membayar nafkah kepada isteri yang diceraikan setelah diputuskan oleh Mahkamah Syariah.

b) Isu perkahwinan bawah umur

Dalam usaha untuk menambah baik sistem penyampaian kepada rakyat, **Prosedur Operasi Standard [Standard Operating Procedure (SOP)] mengenai Permohonan Perkahwinan di Bawah Umur** yang telah pun dipersetujui oleh Ketua-Ketua Hakim untuk diguna pakai di seluruh negara. SOP ini antara lain bertujuan memberi panduan yang jelas dan

komprehensif kepada para hakim dalam meluluskan permohonan perkahwinan bawah umur. Usaha bersama negeri-negeri juga diadakan untuk meminda dan menyelaraskan had umur perkahwinan dari enam belas (16) tahun kepada lapan belas (18) tahun bagi lelaki dan wanita melalui pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri-Negeri, seperti mana yang telah dilaksanakan di Negeri Selangor baru-baru ini.

c) Isu Tahfiz

Ekoran daripada rentetan peristiwa yang amat memilukan yang melibatkan sekolah-sekolah agama Islam termasuk sekolah-sekolah tahfiz seperti kes kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kampung Datuk Keramat, Kuala Lumpur dan kes sembilan pelajar Pusat Tahfiz Darus Syabab di Kepong, Kuala Lumpur yang dipercayai diliwat oleh seorang pengetua pusat tahfiz tersebut, Rang Undang-undang (RUU) Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2018 telah dibentangkan di Dewan Rakyat untuk Bacaan Pertama pada 10 Disember 2018. Bacaan Kedua

dijadual akan dibentangkan dalam sidang Parlimen yang akan datang.

Sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan, ianya bakal memberi kuasa yang lebih luas kepada Majlis Agama Islam untuk mengawal selia sekolah-sekolah agama Islam termasuk memasuki, memeriksa, mengambil alih pentadbiran dan menamatkan operasi sekolah-sekolah agama Islam. Perluasan kuasa Majlis tersebut adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan pelajar-pelajar dan pihak-pihak yang berkenaan.

d) Isu Tabung Haji

Pendedahan mengenai pengurusan **TH**, kerajaan telah bersetuju untuk mewujudkan *Special Purpose Vehical (SPV)* bagi memulihkan kedudukan kewangan **TH**. Bagi maksud ini juga, kerajaan telah memutuskan bahawa **TH** akan berada di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia (BNM) seperti institusi-institusi Kewangan Islam yang lain. Ia bertujuan untuk mengukuhkan tadbir urus dan pengurusan risiko **TH**, agar lebih berdaya saing dan mampan. Ini tidak bermakna **TH** di bawah BNM, tetapi **TH** akan terus beroperasi dan tertakluk kepada Akta Tabung Haji 1995. Penting untuk dijelaskan bahawa skop kawal

selia ini tidak merangkumi tadbir urus dan pengurusan haji. Namun begitu, penyeliaan BNM akan memantapkan pengurusan risiko **TH** terutama berkaitan risiko pelaburan, kecairan, pasaran serta operasi agar ianya selari dengan “Standard Industri”.

e) Isu sosial dan gaya hidup

Bagi membuktikan kesungguhan kerajaan menolak amalan gaya hidup yang menyalahi syarak, **Seminar Peradaban dan Kecelaruan Gaya Hidup Kontemporari 2018** telah dianjurkan pada **29 Oktober 2018** di Dewan CAT Kompleks Masyarakat Penyayang, Georgetown, Pulau Pinang. Seminar ini diharap dapat memberi penjelasan yang berguna kepada masyarakat awam selari dengan pendekatan Islam yang mengutamakan rahmah dan hikmah dalam setiap pendekatan dalam konteks membimbing dan menyantuni.

f) Isu Penguatkuasaan

Usaha menangani isu penguatkuasaan yang sering menjadi kritikan masyarakat, satu **Jawatankuasa Kerja Garis Panduan Penguatkuasaan Undang-undang Syariah** telah dibentuk. Jawatankuasa ini bertanggungjawab bagi membangunkan

standard baru (SOP) sebagai panduan kepada pengamal undang-undang khususnya Penguatkuasa Agama.

g) Isu Akidah

Kemunculan pelbagai aliran pemikiran dan kelompok pelampau, radikal dan golongan yang bertindak mencairkan agama perlu dibendung. Ia menuntut satu usaha yang bersepadu dan terancang untuk mempertahankan akidah Islam berteraskan Ahli Sunnah wal-Jamaah. Isu ini telah kita tangani melalui beberapa wacana, forum dan beberapa media utama. Di sinilah relevannya *Rahmatan Lil Alamin'* sebagai satu naratif Islam yang unggul. Sehubungan itu, satu kerjasama yang erat, padu dan mantap akan terus kita jalin, laksana dan selaraskan bersama semua pihak termasuk pihak berkuasa agama Islam negeri .

h) Isu Masjid

Isu masjid sebagai medan yang telah disalah gunakan untuk kepentingan golongan tertentu sewajarnya ditangani secara berhemah dan berkesan. Peranan masjid sebagai pusat aktiviti sosial umat Islam di samping konsep masjid menyantuni ummah perlu dipromosi sesuai dengan konsep dan pendekatan *Rahmatan lil 'alamin*.

Konsep RAHMAH yang cuba diketengahkan membawa maksud yang cukup mendalam bagi merealisasikan fungsi masjid yang sebenar.

R merujuk kepada **Ramah**,
A membawa maksud **Aman**,
H memberi erti **Harmoni**,
M melambangkan **Mesra**,
A menterjemahkan **Alami**,
H memberi maksud **Hormat**.

Rangkaian dan ungkapan penuh makna ini diharap berupaya memberi satu inspirasi kepada masjid di seluruh negara untuk diterapkan dalam usaha murni menyantuni ummah.

Wawasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama)

22. Prinsip utama pengurusan hal ehwal Islam melalui pendekatan *Rahmatan lil 'Alamin* yang bersendikan Maqasid Syariah dan melahirkan model Malaysia sebagai dasar serta hala tuju Malaysia Baharu bukanlah satu ajaran dan fahaman baru. Bahkan ia merupakan kesegaran kepada risalah Islam yang syumul.

23. Pendekatan *Rahmatan lil 'Alamin* ini selaras dengan ajaran yang termaktub dalam al-Quran dan hadith Rasulullah SAW. Mesej dakwah yang dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW adalah bersifat sejagat dan sebagai rahmat untuk seluruh alam. Para ulama juga telah membincangkan secara jelas dan panjang lebar mengenai konsep *Rahmatan lil 'alamin* sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran. Rumusan yang dapat diambil daripada perbincangan ulama mengenai *Rahmatan lil 'alamin* adalah merujuk kepada makna kasih sayang, perpaduan dan toleransi insani.

24. Kerangka Maqasid Syariah adalah kunci utama bagi melindungi, menyubur dan memantapkan prinsip dan nilai Islam demi mencapai kepentingan dalam kehidupan, menjamin kemaslahatan, menyekat kemudharatan dan menolak kerosakan. Maqasid itu memberi

maksud bahawa syariah mempunyai tujuan utama yang hendak dicapai. Setiap keputusan dan tindakan kita dalam konteks *multi racial society* perlu dibuat secara berhati-hati dan berhemah agar tidak timbul kebencian dan perselisihan agama dan kaum. Pertimbangan yang menjadi kayu ukur ini semestinya berlandaskan nilai-nilai al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi asas bagi memelihara agama, nyawa, akal, harta dan keturunan.

25. Sewajarnya konsep maqasid ini perlu dijadikan dasar pemerintahan negara supaya hasilnya nanti lebih praktikal dan menyeluruh. **Bagi memperluas dan mengangkat konsep ini sebagai dasar kerajaan, saya akan meminta JAKIM untuk menyediakan satu kertas kabinet yang akan saya bentangkan dalam Mesyuarat Kabinet dalam waktu terdekat bagi mendapatkan punca kuasa.** Seterusnya untuk tahun 2019 ini akan diwar-warkan sebagai tahun pelaksanaan bagi menyubur dan memantapkan prinsip Maqasid Syariah dalam semua aspek pentadbiran.
26. Acuan *local* atau Model Malaysia - Dalam konteks realiti masyarakat Malaysia, sistem politik, komposisi penduduk yang berbilang bangsa, agama dan budaya serta perbezaan latar sejarahnya mampu ditadbir dan diurus dengan baik dan teratur. Ciri-ciri khas lagi unik yang

dimiliki oleh rakyat Malaysia sebagai nilai bersama inilah yang akan menjadi justifikasi penting ke arah model Manhaj Malizi.

Kedudukan Agensi-Agensi Agama Di Bawah Jabatan Perdana Menteri

27. Dalam usaha menambah mutu dan memastikan peningkatan kualiti operasi dan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, agensi-agensi di bawah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah disusun semula. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua ketua agensi yang telah menyambut baik usaha ini secara terbuka.

28. Sebanyak enam agensi telah digabung dan diselaraskan yang diterajui oleh JAKIM. Agensi-agensi yang dimaksudkan ialah JAWHAR, IKIM, TV Al-Hijrah, YADIM, YAPEIM dan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM). Aspek penyelarasan dan pemantauan yang diterajui oleh JAKIM ini adalah dalam bentuk operasi dan tidak akan menyentuh soal dasar. Selain daripada agensi yang diselaraskan oleh JAKIM, terdapat juga agensi seperti JAWI, JKSM, Jabatan

Pendakwaan Syariah WP (JAPENS), Tabung Haji, MAIWP dan Pejabat Mufti WP yang dikawal selia terus oleh JPM.

Visi Agensi-agensi Agama

29. Tidak dinafikan perkembangan dunia semasa telah memberikan agensi-agensi agama satu tanggungjawab yang cukup besar. Kepercayaan ini amat signifikan dengan visi yang telah dipersetujui iaitu **Menjadikan Malaysia Sebagai Model Pentadbiran Islam Terunggul Yang Progresif Dan Inklusif Menjelang 2025.**

30. Penentuan visi yang cukup ideal ini diharap dapat diterjemahkan dalam hala tuju semua agensi melalui pelaksanaan semua program dan aktiviti yang bakal dirangka dan dilaksanakan mulai tahun 2019 dengan mengambil kira dan berteraskan tiga item utama falsafah pentadbiran dan pengurusan Islam iaitu *Rahmatan lil 'alamin*, yang dirangkum dalam kerangka Maqasid Syariah dan diterjemahkan melalui Model Malaysia .

Misi Agensi Agama

31. Bagi mencapai visi ini, semua agensi agama perlu berganding bahu melaksana dan mendukung misi **Menerajui Pengurusan Komprehensif Umat Islam Bersendikan Maqasid Syariah Dalam Mencapai Cita-Cita Malaysia Baharu Melalui Gagasan *Rahmatan Lil 'Alamin*.**

32. Untuk tahun 2019, Kluster Kemajuan Islam telah mendapat peruntukan sebanyak RM1.031 billion. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak RM13 juta berbanding tahun 2018 sebanyak RM1.018 billion. Selain itu, terdapat juga tiga peruntukan khas yang telah dimasukkan dalam Bajet 2019 yang melibatkan pihak agensi agama secara langsung iaitu peruntukan untuk sekolah Tahfiz sebanyak 50 juta, pondok yang berdaftar sebanyak 25 juta dan juga peruntukan untuk pembinaan masjid dan surau sebanyak 150 juta. Peruntukan dalam Bajet 2019 ini akan digunakan secara berhemah untuk melaksanakan program-program, membayar emolument dan juga belanja-belanja yang lain.

33. Semua agensi sewajarnya tidak bergerak secara solo, bersendirian dan terkurung dalam kelompok tersendiri. Malahan perlu bergerak

dan meneroka secara bersama sebagai satu pasukan kerja yang pro aktif dan mantap sesuai dengan bidang kepakaran masing-masing. Kerjasama perlu dibentuk dalam penganjuran program/aktiviti supaya tidak berlaku pertindihan mengikut keutamaan fungsi serta mengamalkan perbelanjaan secara berhemah berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan 3.1 yang sedang berkuatkuasa.

Tan Sri, Datuk Seri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Hala Tuju Pentadbiran Agama berdasarkan 7 Kluster

34. Bagi menentukan hala tuju pentadbiran agama, sebanyak tujuh kluster teras strategik telah dibentuk yang mana setiap satunya mempunyai peranan dan kekuatan tersendiri bagi mewakili semua agensi agama.

35. Untuk itu, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak MAMPU bersama barisan pembimbing professional yang turut bersama-sama membantu dalam penyediaan Hala Tuju Strategik agensi agama persekutuan. Tujuh kluster teras telah disusun iaitu:

Kluster 1 : Perundangan dan Kehakiman

“Memperkasakan Perundangan dan Kehakiman Syariah melalui reformasi berterusan pentadbiran kehakiman, penggubalan undang-undang dan peningkatan profesionalisme hakim-hakim syarie.”

Kluster 2 : Pendidikan dan Pembangunan Insan

"Membina keperibadian Muslim yang holistik dan inklusif di setiap peringkat dan dalam berbagai sektor bagi menyumbang kepada cita-cita membina Malaysia Baharu."

Kluster 3 : Dakwah dan Media

"Melahirkan medan dakwah yang inovatif dalam menyampaikan mesej Rahmatan Lil Alamin melalui platform media yang pelbagai dengan penyelerasan yang efektif.

Kluster 4 : Sosio Ekonomi

"Memperkasakan ekonomi Islam berteraskan keperluan sosial (social economy) dalam menangani kemiskinan dan meningkatkan taraf kehidupan."

Kluster 5 : Pengurusan Haji dan Pensijilan Halal

"Meningkatkan model pengurusan Haji menjadi no 1 di dunia dan meneruskan usaha baikpulih Tabung Haji secara menyeluruh serta mempertingkatkan infrastruktur pensijilan Halal bertaraf dunia."

Kluster 6 : Pengurusan Masjid

"Transformasi Masjid mengikut acuan R.A.H.M.A.H melalui pengurusan qaryah yang efisien dan program yang menyumbang kepada melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera."

Kluster 7 : Penyelidikan dan Budaya Maqasid

"Membangunkan penyelidikan Islam berasaskan nilai-nilai Maqasid dan menyumbangkan hasil kajian merentasi berbagai sektor sehingga dapat melahirkan budaya berfikir Maqasid dalam membuat perancangan dan bertindak."

34. Dengan terbentuknya tujuh kluster ini, diharap dapat menyempurnakan platform dalam memandu hala tuju agensi-agensi agama ke arah memartabatkan Islam dan memelihara kemaslahatan ummah serta menjadikan Malaysia sebagai model negara Islam yang unggul berdasarkan konsep *Rahmatan lil 'alamin*.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Penutup

37. Harapan saya pada tahun ini agar setiap agensi dapat menterjemahkan visi dan misi yang telah ditetapkan ke dalam program dan pelan strategik agensi masing-masing berlandaskan tiga wawasan yang telah kita persetujui bersama mengikut kluster yang telah ditetapkan.

38. Penetapan kluster ini antara lain supaya wujud keselarasan dalam setiap program dan aktiviti yang dianjurkan. Hasrat yang tersirat supaya semua agensi kekal relevan dalam bingkai pembangunan yang berteraskan prinsip-prinsip sejagat yang dibangunkan oleh kepimpinan negara. Ia perlu dibantu dengan tadbir urus yang baik, inklusif dan progresif. Sehubungan itu, harapan dan cita-cita untuk menyaksikan Malaysia sebagai model negara Islam dunia pastinya dapat direalisasikan pada satu hari nanti.

Sekian. Wabillahi taufik wal hidayah.

Assalamualaikum warahmatullahi abarokatuh.

